

## BAB 1: TAMADUN AWAL MANUSIA

1.



a. Namakan 2 bandar dalam Tamadun Mesir Purba ?

---

---

[ 2 markah ]

b. Sejauhmana Sungai Nil membantu negara membangunkan Tamadun Mesir Purba ?

---

---

---

---

[ 4 markah ]

c.



**Ratu Hatshepsut** adalah Firaun ke-5 dari Dinasti ke-8 yang memerintah di zaman Mesir Kuno. Para ilmuwan banyak menganggap Ratu Hatshepsut merupakan seorang Firaun wanita yang paling berjaya di Mesir kerana memerintah lama berbanding yang lain

<http://www.african-union.org/> wanita paling berpengaruh di Mesir.

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah iktibar yang boleh dijadikan panduan untuk mengiktiraf sumbangan wanita kepada pembangunan negara?

---

---

---

---

[4 markah]

## **BAB 1 : KEMUNCULAN TAMADUN MANUSIA**

**2.** Tamadun Awal dunia banyak memberikan sumbangan kepada peradaban manusia hingga kini.

(a) Nyatakan keistimewaan Tamadun Mesir Purba.

[4 markah]

(b) Jelaskan sumbangan Tamadun Mesir Purba kepada peradaban manusia hari ini?

[8 markah]

(c) Sebagai pemimpin, apakah keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang boleh di contohi untuk memajukan negara kita.

[8 markah]

**Penskoran Soalan Struktur dan Esei**  
**Bab 1 : Tamadun Awal Manusia**

| Soalan 1 |    | Perincian / Butiran  | Markah       |
|----------|----|--|--------------|
| a        |    | <b>Jelaskan 2 lokasi Tamadun Mesir Purba ?</b>   |              |
|          | F1 | Thinis   | 1            |
|          | F2 | Heliopolis   | 1            |
|          | F3 | Thebes   | 1            |
|          | F4 | Fayoum   | 1            |
|          | F5 | Memphis  | 1            |
|          | F6 | Abydos   | 1            |
|          |    | (Mana-mana 2 x 1m)   | [ 2 markah ] |
| b        |    | <b>Sejauhmana Sungai Nil membantu negara Mesir Purba dari segi pertanian ?</b>   |              |
|          | F1 | Tamadun Mesir bermula ditebing Sungai Nil  | 1            |
|          | F2 | Limpahan air sungai Nil ke tanah gersang dan berpadang pasir.  | 1            |
|          | F3 | Menukarkan bentuk mukabumi Mesir kepada sebuah dataran yang subur  | 1            |
|          | F4 | Kawasan petempatan   | 1            |
|          |    | (Mana-mana 4 x 1m)   | [ 4 markah ] |
| c        |    | <b>Berdasarkan pengkajian anda terhadap tamadun Mesir Purba, apakah iktibar yang boleh dijadikan panduan untuk mengiktiraf sumbangan wanita kepada pembangunan negara?</b> |              |
|          | F1 | Mengiktiraf wanita sebagai pemimpin  | 1            |
|          | F2 | Tidak dipinggirkan dan taraf seperti lelaki  | 1            |
|          | F3 | Menghormati idea dan pandangan   | 1            |
|          | F4 | Ketokohnya dihargai oleh rakyat dan masyarakat   | 1            |
|          | F5 | Boleh memimpin negara  | 1            |
|          | F6 | Dihormati oleh masyarakat luar   | 1            |
|          | F7 | Sentiasa bersikap terbuka  | 1            |
|          |    | Mana-mana yang munasabah   |              |
|          |    | (Mana-mana 4 x 1m)   |              |

| Soalan | Butiran  | Markah |
|--------|--|--------|
| 2 (a)  | <b>Nyatakan keistimewaan Tamadun Mesir Purba.</b>              |        |
|        | F1 Negara Kota   | 1      |
|        | H1a Firaun Menes menyatukan semua nome menjadi sebuah kerajaan | 1      |
|        | H1b Mengasaskan sebuah pusat pentadbiran di Bandar Thinis      | 1      |
|        | H1c Pusat pentadbiran berpindah ke Mephis/Thebes               | 1      |
|        | H1d Terdapat beberapa Bandar penting                           |        |

|     |   |   |
|-----|---|---|
| H1e | Heliopolis/Fayoun/Abydos  | 1 |
| H1f | Kehidupan di bandar   | 1 |
| H1g | Bandar merupakan tempat kediaman firaun/pusat pentadbiran/perumahan/pelanuhan/keagamaan | 1 |
| F2  | Kehidupan berorganisasi   | 1 |
| H2a | diketuai oleh Firaun  | 1 |
| H2b | firaun berkuasa mutlak  | 1 |
| H2c | dan dianggap suci   | 1 |
| H2d | Jawatn firaun diwarisi secara turun temurun   | 1 |
| H2e | Firaun dianggap sebagai jelmaan Tuhan Horus   | 1 |
| H2f | Firaun juga digelar sebagai Raja Matahari/percaya firaun ialah anak Tuhan Matahari      | 1 |
| H2h | Firaun berperanan sebagai ketua pendeta/pemilik tanah/ketua hakim/ketua pahlawan        | 1 |
| H2i | Di bawah Firaun terdapat golongan bangsawan   | 1 |
| F3  | Sistem pemerintahan   | 1 |
| H3a | Diterajui oleh Firaun   | 1 |
| H3b | Firaun dibantu oleh golongan bangsawan  | 1 |
| H3c | Menjalankan pentadbiran/menjaga keamanan/mengurus dan mengagihkan hasil makanan         | 1 |
| H3d | Golongan bangsawan terdiri daripada pegawai/penasihat/gabenor wilayah/jurutulis         | 1 |
| H3e | Jurutulis dilantik untuk menulis rekod kerajaan   | 1 |
| H3f | Tamadun Mesir Purba mengiktiraf wanita sebagai pemimpin                                 | 1 |
| F4  | Pengkhususan pekerjaan  | 1 |
| H4a | Penenunan/pembuatan barang tembikar/peralatan   | 1 |
| H4b | eksport utama seperti tekstil dan kertas  | 1 |
| H4c | Antara aktiviti ekonomi termasuklah perlombongan emas                                   | 1 |
| H4d | Pengangkutan air memainkan peranan penting  | 1 |
| F5  | Sistem kepercayaan  | 1 |
| H5a | Percaya kepada konsep politeisme  | 1 |
| H5b | Setiap tuhan dikaitkan dengan unsur alam  | 1 |
| H5c | Percaya kepada kehidupan selepas mati   | 1 |
| H5d | Mayat perlu disimpan/dijaga dengan rapi   | 1 |
| H5e | Makam mayat dipenuhi dengan peralatan/keperluan kehidupan                               | 1 |
| F6  | Sistem tulisan  | 1 |

|     |   |       |
|-----|---|-------|
|     | H6a dikenali sebagai Hieroglif  | 1     |
|     | H6b Berasaskan kombinasi gambar dan symbol yang berdasarkan bunyi                                   | 1     |
|     | H6c Tujuan untuk merekod aktiviti pertanian/pengutipan<br>cukai/keagamaan/amalan ritual kepercayaan | 1     |
|     | [Mana-mana 4x1=4m]  | [4 m] |
| (b) | <b>Jelaskan sumbangan Mesir Purba kepada peradaban manusia hari ini?</b>                            |       |
|     | <b>F1 Seni bina</b>   | 1     |
|     | H1a Pembinaan piramid   | 1     |
|     | H1b Menggunakan batu bata   | 1     |
|     | <b>F2 Kewujudan sistem pendidikan</b>   | 1     |
|     | H2a untuk kanak-kanak keluarga atasan   | 1     |
|     | H2b sejak umur yang rendah lagi   | 1     |
|     | H2c institusi pendidikan diuruskan oleh rumah ibadat  | 1     |
|     | H2d pendidikan bertujuan untuk melahirkan jurutulis   | 1     |
|     | H2e dan menguruskan hal ehwal pertanian/pengawalan banjir di<br>sungai/pembinaan bangunan           | 1     |
|     | <b>F3 Penciptaan kertas</b>   | 1     |
|     | H3a daripada pokok papyrus  | 1     |
|     | H3b memudahkan penyimpanan khazanah negara  | 1     |
|     | <b>F4 Sistem Tulisan</b>  | 1     |
|     | H4a sistem tulisan hieroglif  | 1     |
|     | H4b bertujuan mencatat aktiviti pertanian   | 1     |
|     | H4c merekod pungutan cukai  | 1     |
|     | H4d merekod amalan ritual   | 1     |
|     | <b>F5 Kemajuan ilmu perubatan</b>   | 1     |
|     | H5a melahirkan pengamal perubatan   | 1     |
|     | H5b kemahiran dalam bidang pembedahan   | 1     |
|     | H5c kemahiran dalam mengawet mayat  | 1     |
|     | <b>F6 Perkembangan ilmu pengetahuan</b>   | 1     |
|     | H6a matematk/algebra/geometri/astronomi   | 1     |
|     | <b>F7 Mencipta sistem pengairan</b>   | 1     |
|     | H7a menukarkan kawasan padang pasir menjadi kawaan pertanian yang<br>subur                          | 1     |
|     | H7b membina pengairan   | 1     |

|     |  |       |
|-----|--|-------|
|     | H7c mengawal banjir di sungai Nil  | 1     |
|     | <b>F8 Sistem Kalendar</b>  | 1     |
|     | H8a 365 hari setahun   | 1     |
|     | H8b 12 bulan dalam setahun   | 1     |
|     | H8c pengetahuan dalam bidang astronomi/matematik   | 1     |
|     | [Mana-mana 8x1=8m]   | [8 m] |
| (c) | <b>Sebagai pemimpin, apakah keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang boleh dicontohi untuk memajukan negara kita</b> |       |
|     | F1 Kebolehan pemimpin membentuk bandar/pusat pentadbiran   | 1     |
|     | F2 Kesetiaan rakyat terhadap pemimpin  | 1     |
|     | F3 Kemahiran matematik/geometri/astronomi untuk memajukan kerajaan   | 1     |
|     | F4 Masyarakat mampu menukar kawasan padang pasir menjadi tanah pertanian yang subur                                  | 1     |
|     | F5 Sifat kreatif masyarakat dalam bidang pembinaan /perkenal batu bata/membina piramid                               | 1     |
|     | F6 Masyarakat berjaya mengawal banjir dengan kebolehan matematik   | 1     |
|     | F7 Kebijaksanaan masyarakat menyesuaikan diri dengan alam  | 1     |
|     | M mana-mana jawapan munasabah  | 1     |
|     | [Mana-mana 8x1=8m]   | [8 m] |